

## KENYATAAN MEDIA

### UNTUK SIARAN SERTA

#### **PERNAS SANTUNI ANAK-ANAK ASNAF DAN IBU TUNGGAL MELALUI PROGRAM CSR SINAR RAMADAN**

**KAMPUNG KERINCHI, 22 MAC 2024** – Seramai 60 anak-anak asnaf dan ibu-ibu tunggal dibantu melalui inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) Pernas yang pertama pada tahun ini di mana Pernas telah memperuntukkan belanjawan sebanyak RM20,000 untuk disumbangkan kepada para penerima dan juga sumbangan khas kepada Masjid Ar-Rahah.

Bagi meraikan dan membantu persiapan kelengkapan menyambut bulan Syawal, Pernas iaitu agensi di bawah kawal selia Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) menyantuni anak-anak asnaf dan ibu-ibu tunggal sempena Majlis Iftar dan Program CSR Sinar Ramadan Pernas 2024 di Masjid Ar-Rahah, Kampung Kerinchi.

Inisiatif Program CSR Sinar Ramadan ini juga adalah sebagai tanda keprihatinan syarikat untuk membantu golongan yang memerlukan untuk persiapan menyambut bulan Syawal.

Tengku Mohamed Fadhli Tengku Hamzah, Ketua Pegawai Operasi Pernas, menyatakan Pernas komited menjuarai program-program CSR melalui tiga (3) terasnya iaitu keusahawanan, pendidikan dan kebajikan masyarakat.

Selain Program CSR Sinar Ramadan, Pernas juga mempunyai beberapa inisiatif CSR yang akan dilaksanakan pada tahun ini bagi membantu golongan yang memerlukan. Turut hadir dalam program pada hari ini adalah Dato' Azlan Abu Rais, Ahli Lembaga Pengarah Pernas dan Encik Muhammad Shaheedzam Shamsuddin, Ahli Jawatankuasa Pembangunan & Ekonomi Masjid Ar-Rahah

---

Untuk urusan media, sila hubungi: Datin Suriani Abdul Rahman, Ketua Jabatan Komunikasi Strategik Pernas melalui emel, suriani.rahman@pernas.my atau hubungi talian 03-2082 7788 samb. 7941.

---

### ***PERBADANAN NASIONAL BERHAD (PERNAS)***

Pernas adalah sebuah syarikat pegangan pelaburan ditubuhkan pada 29 November 1969 yang dimiliki oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (MOF Inc.) dengan mandat untuk menerajui pembangunan industri francais di Malaysia.

Mulai 2004, Pernas mempunyai sasaran untuk menerajui perkembangan industri francais di Malaysia dan membangunkan jumlah usahawan francais, melalui kepakarannya dengan menawarkan perkhidmatan serta produk-produk yang berkualiti seperti berikut:

1. Skim pembiayaan yang merangkumi semua keperluan perniagaan termasuk perbelanjaan modal dan keperluan modal kerja;
2. Pembiayaan dan pelaburan ekuiti untuk membantu meningkatkan pemilikan ekuiti bumiputera dalam sektor francais strategik; dan
3. Khidmat latihan, bimbingan dan konsultasi untuk pembangunan usahawan ke arah perniagaan francais.

Pernas menyediakan khidmat latihan dan skim khas untuk francaisor dan francaisi dan mengalu-alukan rakan-rakan francais ke Malaysia. Selain itu, Pernas juga menawarkan perkhidmatan lain seperti latihan, penyewaan ruang runcit dan pelaburan ekuiti.

Berpusat di Ibu Pejabat di Bangsar South, Pernas juga mempunyai enam (6) pejabat koridor iaitu Pejabat Koridor Utara, Pejabat Koridor Pantai Timur, Pejabat Koridor Selatan, Pejabat Koridor Sabah (Kota Kinabalu & Sandakan) dan Pejabat Koridor Sarawak yang bersedia menjalankan peranan mereka dalam membangunkan lebih ramai francaisor dan francaisi.



Penyampaian baucar membeli-belah dan duit raya kepada anak-anak asnaf Kg. Kerinchi. (Dari kiri : Encik Muhammad Shaheedzam Shamsuddin, Dato' Azlan Abu Rais dan Tengku Mohamed Fadhli Tengku Hamzah)



Bersama anak-anak asnaf Kg. Kerinchi



Bersama ibu-ibu tunggal Kg. Kerinchi.



Sumbangan khas Pernas kepada Masjid Ar-Rahah